

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG
[MARANG]

SOALAN NO. 400

Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG [MARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status tindakan Kerajaan untuk mengurangkan kadar duti eksais kereta import bagi kereta pertama dengan enjin bersaiz di bawah 1600cc untuk membolehkan pembelian kereta pertama dilakukan dengan harga lebih rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengenalpasti pendekatan terbaik dalam mengkaji semula duti dan cukai ke atas kenderaan penumpang khususnya bagi maksud untuk menjadikan harga kenderaan di negara ini lebih kompetitif dan dapat mengurangkan tanggungan kepada pembeli. Harga kereta dipengaruhi dan ditentukan oleh beberapa faktor termasuk kos pengeluaran, pengangkutan, pengiklanan, pengedaran dan juga keuntungan syarikat pengeluar dan pengedar, selain daripada komponen duti dan cukai. Dengan itu, pendekatan untuk menurunkan kadar duti dan cukai semata-mata tidak semestinya menjamin harga kereta akan berkurangan sekiranya faktor-faktor lain yang disebutkan tadi tidak mengalami penurunan.

Selain itu, Dasar Automotif Nasional (NAP) telah diperkenalkan pada tahun 2006 dengan tujuan untuk membantu usaha transformasi Dasar Automotif Nasional (NAP) telah diperkenalkan pada 22 Mac 2006 bertujuan untuk membantu usaha transformasi dan integrasi industri automotif tempatan ke dalam jaringan industri serantau dan global yang semakin kompetitif. NAP telah disemak semula pada tahun 2009 dan 2014 dengan memberi fokus kepada:

- i. meluaskan pasaran baharu automotif;
- ii. memperkenalkan teknologi automotif terbaru bagi terus memperkasakan industri automotif tempatan serta meningkatkan penglibatan automotif dalam teknologi hijau;
- iii. pembangunan teknologi; dan
- iv. penambahbaikan ekosistem industri automotif.

Secara umumnya, NAP menggalakkan syarikat automotif untuk membuat pelaburan bagi memasang kenderaan penumpang di Malaysia (*Complete Knocked-Down*, CKD) untuk pasaran tempatan dan eksport. Vendor-vendor

NO SOALAN : 400

tempatan diwujudkan bagi membekalkan komponen kepada kilang-kilang pemasang kenderaan ini. Secara tidak langsung, limpahan ekonomi akan dicapai melalui pewujudan peluang pekerjaan kepada rakyat dan peningkatan pelaburan dalam negara. Persekitaran industri automotif juga akan turut berkembang melalui pemindahan teknologi dan pewujudan tenaga mahir.

Bagi memastikan hasrat NAP tercapai, pengilang kenderaan tempatan dan vendor yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan akan diberikan insentif cukai dalam bentuk pengecualian seperti berikut:

- i. Pengurangan duti eksais yang signifikan;
- ii. Pengurangan cukai jualan; dan
- iii. Pengurangan/Pengecualian penuh duti import komponen CKD.

Insentif cukai ini secara langsung akan membolehkan harga kereta CKD dijual pada harga yang lebih murah berbanding kereta CBU di samping memberi pulangan setimpal kepada syarikat pengeluar kereta dan vendor yang telah membuat pelaburan awal di Malaysia. Sekiranya kenderaan CBU diberi pengurangan duti eksais, harga kenderaan CKD tidak lagi akan berdaya saing dan secara langsung akan merencatkan objektif NAP.